Won Siok Wan lwn Yeoh Poh San @ Yang Po San

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO S4–24–3282 TAHUN 2001
RAHMAH HUSSAIN H
25 JUN 2002

Acara Sivil *— Deklarasi — Deklarasi untuk menentukan status di dalam perkahwinan — Sama ada permohonan plaintif untuk deklarasi patut dimulakan dengan petisyen atau saman pemula — Kaedah-Kaedah Prosiding Penceraian dan Hal Ehwal Suami Isteri 1980 kk 7, 80*

Plaintif, pada 14 September 2001, telah memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah-perintah. Defendan, pada 30 Oktober 2001, telah mengemukakan bantahan awal terhadap permohonan plaintif untuk deklarasi dengan menyatakan bahawa permohonan plaintif seharusnya dimulakan melalui petisyen dan bukan saman pemula. Mahkamah bersetuju dengan defendan dan telah membenarkan bantahan awal tersebut pada 27 November 2001 dan telah menolak saman pemula plaintif. Plaintif merayu.

Diputuskan, menolak rayuan plaintif dan membenarkan bantahan awal defendan:

(1) Menurut kk 7 dan 80 Kaedah-Kaedah Prosiding Penceraian dan Hal Ehwal Suami Isteri 1980, suatu deklarasi untuk menentukan status seseorang di dalam perkahwinan haruslah dimulakan dengan petisyen. Pada tajuk atau 'intitulement' saman pemula plaintif, permohonan plaintif dibuat bersandarkan kepada k 80 Kaedah-Kaedah Prosiding Dan Hal Ehwal Suami Isteri 1980, dan ini mencerminkan niat plaintif untuk menggunakan sepenuhnya peruntukan tersebut (lihat ms 351F–H).

(2) Plaintif gagal memberikan hujahan-hujahan yang kukuh bagi menyangkal bantahan awal yang dikemukakan oleh pihak defendan. Bantahan awal yang ditimbulkan oleh defendan menyentuh asas dan akar umbi kepada permohonan plaintif itu sendiri. Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam defendan dan membenarkan bantahan awal defendan (lihat ms 352I–353B).

[English summary

The plaintiff, on 4 September 2001, applied to the court for certain orders. The defendant, on 30 October 2001 raised a preliminary objection against the plaintiff's application for a declaration on the grounds that the plaintiff should have initiated the proceedings by petition and not by originating summons. The court agreed with the defendant and allowed the preliminary objection on 27 November 2001 and dismissed the plaintiff's originating summons. The plaintiff appealed.

Held, dismissing the plaintiff's appeal and allowing the defendant's preliminary objection: A

(1) Pursuant to rr 7 and 80 of the Divorce and Matrimonial Proceedings Rules 1980, a declaration to ascertain a person's status in a marriage should be initiated by petition. On the title or 'intitulement' of the plaintiff's originating summons, the plaintiff's application was made pursuant to on the Rules 1980 and this reflected the intention of the plaintiff to fully utilize these provisions (see p 351F–H). B

(2) The plaintiff failed to give valid submissions to traverse the preliminary objection raised by the defendant. The preliminary objection raised by the defendant touched on the basis and root of the plaintiff's application. The court agreed with the defendant's counsel's arguments and allowed the defendant's preliminary objection (see pp 352I–353B).] C

Nota-nota D

Untuk kes mengenai deklarasi, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 1994.

Kes-kes yang dirujuk

Cheow Chew Khoon @ Teoh Chew Khoon (yang berniaga sebagai Cathay Hotel) v Abdul Johari Bin Abdul Rahman [1995] 1 MLJ 457 (dirujuk) E

Lawrence Au Poh Weng & Anor v Annie Tan Huay Lian [1972] 2 MLJ 124 (dirujuk)

F

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Agung 1957 A 1 k 1
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 2 k 2
Kaedah-Kaedah Prosiding Perceraian dan Hal Ehwal Suami Isteri 1980 kk 7, 80 G

Rita Phuah (*Lai, Yoong & Rita*) bagi pihak plaintif.
Yusuf Khan (*TF Fong* bersama beliau) (*Yusuf Khan & Fong*) bagi pihak defendan.

Rahmah Hussain H: Plaintif, melalui saman pemula beliau yang bertarikh 14 September 2001, telah memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah-perintah seperti berikut: H

(i) satu deklarasi bahawa plaintif adalah isteri yang sah kepada defendan;

(ii) satu injunksi untuk menghalang defendan daripada melupuskan dan/atau menggadaikan hartanah yang dikenali sebagai No 18, Persiaran Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur yang dipegang di bawah Geran 29897, No Lot 4955, Mukim Batu, Negeri Wilayah Persekutuan sehingga pelupusan prosiding ini; I

(3) kos bagi dan bersampingan dengan permohonan ini dibayar oleh defendan;

(4) relif seterusnya dan selainnya sebagaimana mahkamah yang mulia ini anggap berpatutan dan adil.

Defendan seterusnya pada 30 Oktober 2001 telah mengemukakan bantahan awal terhadap permohonan plaintif kerana berpendapat bahawa permohonan plaintif untuk deklarasi seharusnya dimulakan melalui petisyen dan bukan melalui saman pemula. Mahkamah yang bersetuju dengan defendan telah membenarkan bantahan awal tersebut pada 27 November 2001 dan bertindak menolak saman pemula plaintif. Sehubungan dengan itu, plaintif telah merayu terhadap keputusan mahkamah.

Persoalan utama yang perlu dijawab oleh mahkamah di dalam kes ini adalah sama ada deklarasi status perkahwinan plaintif perlu dibuat melalui petisyen atau memadai sahaja jika dimulakan melalui saman pemula. Dalam menangani isu ini, adalah lebih wajar dan sesuai sekiranya peruntukan undang-undang yang berkaitan diteliti terlebih dahulu. Kaedah 7 Kaedah-Kaedah Prosiding Perceraian dan Hal Ehwal Suami Isteri 1980 yang terpakai di Malaysia secara amnya memperuntukkan:

> Guaman dimulakan dengan petisyen
>
> (1) Tiap-tiap guaman selain daripada suatu permohonan di bawah s 50 Akta hendaklah dimulakan dengan petisyen.

Seterusnya k 80 Kaedah-Kaedah Prosiding Perceraian dan Hal Ehwal Suami Isteri 1980 pula, secara lebih khusus dan jelas, memperuntukkan:

> Permohonan bagi deklarasi mengenai status perkahwinan
>
> (1) Jika, selain daripada kos, relif yang diminta dalam mana-mana prosiding adalah hanya satu deklarasi berkenaan dengan status perkahwinan seseorang, maka prosiding itu hendaklah dimulakan melalui petisyen.

Merujuk kepada tafsiran peruntukan undang-undang di atas, mahkamah, tanpa syak dan ragu-ragu, berpendapat bahawa suatu deklarasi untuk menentukan status seseorang di dalam suatu perkahwinan harus dimulakan dengan petisyen.

Persoalannya adalah sama ada plaintif terikat dengan peruntukan undang-undang yang dinyatakan di atas? Jika dilihat daripada tajuk atau 'intitulement' saman pemula plaintif, beliau telah menyatakan satu tanggapan kepada mahkamah bahawa permohonan beliau untuk suatu deklarasi mengenai statusnya adalah dengan jelas dibuat bersandarkan k 80 Kaedah-Kaedah Prosiding Dan Hal Ehwal Suami Isteri 1980. Peruntukan undang-undang yang dinyatakan pada tajuk atau 'intitulement' saman pemula plaintif jelas mencerminkan niat beliau untuk menggunakan sepenuhnya peruntukan tersebut.

Demikianlah pentingnya peranan peruntukan undang-undang yang dinyatakan pada tajuk atau 'intitulement' saman pemula seseorang litigan itu. Malangnya, kebanyakan litigan, termasuk plaintif di dalam kes ini,

memandang remeh perkara ini dan gagal menyedari kepentingan dan rasional di sebaliknya. Mahkamah Rayuan di dalam kes *Cheow Chew Khoon @ Teoh Chew Khoon (yang berniaga sebagai Cathay Hotel) v Abdul Johari bin Abdul Rahman* [1995] 1 MLJ 457, di ms 477 telah menegaskan hal ini:

> The summons does not, as I observed very early in this judgment, state any particular rule of court in its intitulement. Now, I think that that is not only wrong but plainly embarrassing. How, might one ask, is a defendant or the court to determine which rule of court the plaintiff is invoking unless he explicitly specifies it? If a defendant and the court should have to conduct a close examination of the supporting affidavits in each case in order to determine the particular jurisdiction or power that is being invoked by an originating summons or other originating process that requires an intitulement, then a plaintiff will be at liberty to shift from one rule to another or indeed from one statute to another as it pleases him without any warning whatsoever to his opponent or the court. It would make a mockery of the principle that there must be no surprises in civil litigation.

Oleh yang demikian, mahkamah berpendapat bahawa plaintif kini dihalang sekaligus daripada bergantung dan menggunakan peruntukan undang-undang yang lain bagi menyokong permohonannya.

Mahkamah seterusnya bersetuju dengan peguam defendan, yang menggunakan kes *Lawrence Au Poh Weng & Anor v Annie Tan Huay Lian* [1972] 2 MLJ 124, bagi menyokong hujahannya untuk bantahan awal. Di dalam kes tersebut, mahkamah telah mengambil kira petikan penghakiman AV Winslow J di ms 127 yang menyatakan:

> It is true that in England in *Woyno v Woyno* [1960] 2 All ER 879, Mr Commissioner Edgedale QC sitting in the Probate, Divorce and Admiralty Division of the High Court, granted a declaration under O 25 r 5 (the equivalent of our O 15 r 16) for the first time in England, apparently, that the petitioner's marriage therein to the respondent was valid. It should be noted however that that declaration, albeit under O 25 r 5, *was made on a petition* in that division of the High Court of England exercising jurisdiction in matrimonial causes. (Emphasis added.)

Aturan 2 k 2 di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 merupakan peruntukan yang sinonim dengan A 1 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Agung 1957 yang, antara lain, memperuntukan:

> These rules shall not have effect in relation to proceedings in respect of which rules have been or may be made under any written law for the specific purpose of such proceedings or in relation to any criminal proceedings.

Memandangkan di Malaysia kini Kaedah-Kaedah Prosiding Perceraian dan Hal Ehwal Suami Isteri 1980 berperanan mengawal prosedur-prosedur yang diamalkan di mahkamah berkenaan hal ehwal matrimoni, maka pemakaiannya haruslah dipatuhi, diaplikasi dan diutamakan. Tindakan plaintif yang membelakangkan intipati prosedur yang ditetapkan bagi memohon suatu deklarasi mengenai status perkahwinan tidak dapat diterima oleh mahkamah ini.

Plaintif, dalam perkiraan mahkamah, gagal memberikan hujahan yang kukuh bagi menyangkal bantahan awal yang dikemukakan oleh pihak

A defendan. Malah, kes-kes yang diberikan oleh plaintif juga adalah tidak relevan dan tidak mempunyai kaitan dengan hal ehwal perkahwinan atau matrimoni seperti yang terbentang di dalam fakta kes ini.

Pada hemat saya, bantahan awal yang dibangkitkan oleh defendan menyentuh asas dan akar umbi kepada permohonan plaintif itu sendiri. Oleh yang demikian, setelah meneliti dan memberi pertimbangan yang B sewajarnya terhadap fakta-fakta serta hujahan kedua-dua peguam, maka saya bersetuju dengan hujahan peguam defendan dan membenarkan bantahan awalnya. Dengan itu, saya telah mengenepikan perintah ex parte bertarikh 24 September 2001 dengan kos.

C *Rayuan plaintif ditolak dan bantahan awal defendan dibenarkan.*

Dilaporkan oleh Chew Phye Aun

D

E

F

G

H

I